

29/03/1998

Pelajar tidak dipanggil pulang (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

GUAR CHEMPEDAK: Kerajaan membuat keputusan mengekalkan semua pelajar tajaan Kementerian Pendidikan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Mara yang sedang menuntut di luar negara meskipun negara sedang dilanda kegawatan ekonomi.

Keputusan itu turut membabitkan pelajar tajaan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia serta Petronas.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata keputusan itu dicapai selepas beliau dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita membuat keputusan itu setelah meneliti dan menimbangkan rayuan pelbagai pihak."

"Ini perlu untuk mengelak gangguan prestasi dan kesan psikologi serta motivasi pelajar jika dipanggil balik untuk menyambung pengajian di institusi tempatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Yan di sini, semalam.

Najib tidak memberitahu jumlah perbelanjaan bagi mengekalkan pelajar terbabit, tetapi berkata, kerajaan sudah meluluskan peruntukan tambahan kepada pelbagai kementerian bagi program pendidikan di luar negara yang dijangka membabitkan perbelanjaan sehingga RM600 juta.

Beliau berharap keputusan itu akan melegakan pelajar dan ibu bapa yang sebelum ini bimbang kemungkinan kerajaan akan memanggil balik penuntut terbabit berikutan kegawatan ekonomi negara.

Pada masa ini, 12,794 pelajar tajaan Mara, JPA, Kementerian Pendidikan, Petronas, TNB serta Telekom, kebanyakannya dalam tahun akhir atau akan memasuki tahun akhir, menuntut di luar negara termasuk 8,091 pelajar di Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Najib berkata, kerajaan turut membenarkan kira-kira 1,000 pelajar A-levels di luar negara meneruskan pengajian dengan syarat mendapat tempat di universiti terkenal dan cemerlang.

"Bagaimanapun, ia bergantung kepada prestasi pengajian di peringkat A-levels untuk membolehkan mereka diterima masuk ke universiti berkenaan.

"Jika sebaliknya, mereka akan dipanggil balik untuk menyambung pengajian di universiti tempatan," katanya.

Mengenai pelajar 'post-graduate', Najib berkata, kerajaan akan menimbang permohonan mereka yang berjaya mendapat tempat di universiti terkenal.

Sehubungan itu, Najib berkata, dalam tempoh dua tahun lagi kira-kira 6,500 akan kembali dan yang kekal di luar negara hanya penuntut yang belajar di universiti terkenal.

Menurutnya, keputusan kerajaan tidak menghantar lagi pelajar ke luar negara dapat menjimatkan wang kerana kos pengajian dalam negara jauh lebih rendah, iaitu antara 25 dan 30 peratus, dengan kualiti setanding pusat pengajian luar negara.

Beliau memberi contoh yuran untuk setiap pelajar perubatan di United Kingdom ialah STG12,000 (kira-kira RM72,000), tidak termasuk kos sara hidup.

(END)